

Headline	Artis, ahli politik antara graduan UUM		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	18 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	15	ArticleSize	244 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,342	PR Value	RM 4,026



# Artis, ahli politik antara graduan UUM

**ALOR SETAR** - Kejayaan 13 artis dan selebriti menamatkan pengajian di Universiti Utara Malaysia (UUM) menambahkan kemeriahan Majlis Konvokesyen UUM ke-26 yang akan berlangsung pada 30 November hingga 3 Disember nanti.

Lebih membanggakan, lima daripada mereka turut tersenarai sebagai graduan kelas pertama Ijazah Sarjana Muda Komunikasi selepas mencapai keputusan cemerlang sepanjang pengajian.

Antara selebriti terbabit ialah Yusnani Yushak, Zehra Zambri, Raizan Zainal Abidin, Zainatul Shuhaida Abd Rahman dan Syamsul Hirdi Muhiid.

Turut berjaya menamatkan pengajian ialah pelakon yang juga Presiden Seniman, Rozaidi Abdul Jamil atau lebih dikenali Zed Zaidi yang turut memperoleh Ijazah Sarjana Muda Komunikasi.

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, selain barisan seniman, pemimpin politik termasuk Timbalan Menteri dan Ahli Parlimen juga antara 7,445

graduan yang berjaya menamatkan pengajian mereka.

Menurutnya, antara Ahli Parlimen terbabit ialah Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Hamin Samuri dan Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique yang masing-masing menamatkan pengajian Sarjana Pentadbiran Awam.

"Selain itu, Speaker Dun Perak, Datuk K Devamany juga berjaya menamatkan pengajian beliau sebagai pemegang Sarjana Ekonomi. Manakala Ahli Parlimen pula antaranya, Datuk Shamsul Anuar Nasarah (Lenggong), Datuk Lilah Yasin (Jempol), Datuk Wee Jeck Seng (Tanjung Piai) dan Datuk Md Sirat Abu (Bukit Katil)," katanya pada sidang media sempena Konvokesyen UUM, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Mohamed Mustafa berkata, Konvokesyen UUM kali ini juga turut menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi kepada Allahyarham

Asisten Superintendan Zulkifli Mamat yang terkorban semasa tragedi Lahad Datu pada 1 Mac lalu.

"Allahyarham sebelum terlibat dengan misi di Lahad Datu sudah menamatkan pengajian dan kita

minta ahli keluarga terdekat arwah hadir sebagai wakil untuk menerima ijazah terbabit," katanya.

Katanya, kejayaan barisan seniman dan tokoh politik dalam usaha menambah ilmu di peringkat lebih tinggi adalah satu contoh kepada masyarakat.

"Artis misalnya kini menjadi ikon kepada remaja. Walaupun mereka sibuk dalam kerjaya masing-masing sebagai pelakon, penyanyi atau pengacara, ia tidak dijadikan alasan untuk mereka tidak menyambung pelajaran malah mendapat kejayaan cemerlang," katanya.

Sempena Konvokesyen UUM kali ini, pihak penganjur turut mengadakan Pesta Konvo yang akan bermula pada 27 November hingga 3 Disember dan diisi dengan pelbagai aktiviti menarik.



Mohamed Mustafa (kanan) menunjukkan logo Konvokesyen UUM ke-26 selepas sidang media, semalam.